


Go Respite



Pengasuh,
Ambil masa
untuk rehat

**Ketahui lebih lanjut mengenai penjagaan
sementara yang tersedia hari ini.**

Go Respite

Menjaga seseorang adalah satu perjalanan yang panjang. Oleh itu, ianya penting untuk pengasuh mengambil masa untuk rehat supaya dapat meneruskan perjalanan ini dengan orang tersayang.

Penjagaan sementara merupakan penjagaan jangka pendek untuk warga emas yang anda sayangi ketika anda mengambil masa untuk berehat daripada tugas penjagaan atau apabila pembantu rumah asing anda pulang bercuti.

Perancangan awal untuk mendapatkan penjagaan sementara ini akan membantu anda untuk menjaga diri anda dan orang yang anda sayangi dengan lebih baik.

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi www.silverpages.sg/gettingrespite.

1 Di manakah saya boleh mendapat penjagaan sementara?



1 Di pusat penjagaan warga emas

Orang yang anda sayangi akan menyertai kegiatan berkumpulan di sebuah Pusat Penjagaan untuk warga emas pada siang hari. Pusat-pusat ini beroperasi pada hari biasa. Pusat-pusat yang tertentu sahaja beroperasi pada hujung minggu.



2 Di rumah penjagaan untuk warga emas

Orang yang anda sayangi akan dijaga di sebuah rumah penjagaan sekurang-kurangnya untuk tujuh hari bagi setiap penginapan, sehingga **30 hari**, dalam setahun.



Anda **tidak perlu** membuat pra-pendaftaran sekiranya orang yang anda sayangi sedang menerima perkhidmatan dari pusat-pusat jagaan harian untuk warga emas. Sila hubungi pusat jagaan anda sekiranya anda memerlukan penjagaan sementara.

Jika orang yang anda sayangi memerlukan bantuan dengan kebanyakan kegiatan hidup seharian mereka, dan/atau mempunyai keperluan penjagaan kejururawatan, anda mungkin ingin mempertimbangkan penjagaan sementara di rumah-rumah penjagaan.

Anda perlu membuat perancangan berasingan untuk pengangkutan ulang-alik ke penyedia perkhidmatan penjagaan sementara pilihan anda.

2 Siapa yang layak?



Jika orang yang anda sayangi memerlukan bantuan dengan kegiatan hidup seharian mereka, seperti makan atau mandi, beliau layak untuk menerima penjagaan sementara dan harus membuat pra-pendaftaran untuk perkhidmatan tersebut.

Jika anda ingin menghantar orang yang anda sayangi ke pusat penjagaan demensia, beliau harus mempunyai diagnosis demensia dalam diagnosis perubatan beliau.

3 Mengapa anda harus membuat pra-pendaftaran?



Pra-pendaftaran membantu anda untuk merancang dan mengenalpasti perkhidmatan secara awal, supaya orang yang anda sayangi boleh mengaktifkan penjagaan sementara dengan lebih cepat apabila ia diperlukan.

4

Bagaimanakah pra-pendaftaran dilakukan?



LANGKAH 1

Berbincang dengan orang yang anda sayangi dan ahli keluarga mengenai jenis penjagaan sementara yang bersesuaian, berdasarkan keperluan penjagaan sementara, keutamaan lokasi dan tempoh penjagaan.

LANGKAH 2

Senaraikan jenis penjagaan sementara dan penyedia perkhidmatan pilihan anda dari senarai penyertaan pusat jagaan and rumah penjagaan.

LANGKAH 3

Untuk mengetahui senarai penyertaan pusat-pusat dan rumah-rumah penjagaan, dan untuk memuat turunkan borang pra-pendaftaran, sila kunjungi www.silverpages.sg/gettingrespite atau **imbas kod QR** di bawah.



Hantarkan borang pra-pendaftaran yang lengkap dengan menggunakan salah satu cara dari kaedah-kaedah berikut:

- a Emel:**
gorespite@aic.sg
- b Melalui pos:**
Agency for Integrated Care
Home and Community Care Division
7 Maxwell Road, #04-01
MND Complex Annex B
Singapore 069111
- c Kunjungi:**
Cawangan AICare Link yang terdekat dengan anda. Layari www.silverpages.sg/aicarelink atau **imbas kod QR** di bawah untuk melihat senarai lengkap lokasi-lokasi AICare Link.



LANGKAH 4

Sekiranya anda ingin menggunakan subsidi pemerintah untuk penjagaan sementara*, anda perlu menjalani ujian purata isi rumah dalam proses pra-pendaftaran.

Untuk memuat turun dan melengkapkan borang ujian purata isi rumah, sila kunjungi <https://bit.ly/2OWzRQg> atau **imbas kod QR** di bawah.



LANGKAH 5

Selepas menghantarkan borang pra-pendaftaran dan borang ujian purata isi rumah, anda akan menerima surat yang memaklumkan bahawa AIC telah menerima borang anda.

LANGKAH 6

Setelah anda menerima surat tersebut, sila hubungi penyedia perkhidmatan pilihan anda untuk menjadualkan penilaian dan melengkapkan proses pra-pendaftaran.

5 Pengaktifan



LANGKAH 7

Pra-pendaftaran yang lengkap adalah sah selama **dua tahun**. Anda perlu memperbaharui status pra-pendaftaran anda selepas itu.

Selepas pra-pendaftaran anda berjaya, sila **hubungi penyedia perkhidmatan pilihan** anda apabila memerlukan penjagaan sementara.

Walaupun pra-pendaftaran mempercepatkan masa untuk mengaktifkan penjagaan sementara, ia tidak menjamin penempatan dengan penyedia perkhidmatan pilihan anda. Penempatan bergantung kepada ketersediaan tempat kosong dan tiada perubahan ketara pada kesihatan orang yang anda sayangi sejak pra-pendaftaran dibuat.

** Ujian purata isi rumah untuk perkhidmatan-perkhidmatan Penjagaan Masyarakat adalah berlainan daripada ujian purata yang dilakukan oleh perkhidmatan pesakit di hospital-hospital.*

Untuk maklumat lanjut mengenai
Perkhidmatan Penjagaan Masyarakat,



Klik | www.silverpages.sg



Hubungi | **1800-650-6060**



Kunjungi | **AICare Link**

Agensi Penjagaan Bersepadu (AIC) bertujuan untuk mewujudkan Penjagaan Masyarakat yang semarak untuk membolehkan orang ramai hidup dan meningkat tua dengan baik. AIC menyepadukan penjagaan untuk menyokong keperluan warga emas dalam usia tua mereka.

Kami mendekati para penjaga dan warga emas dengan maklumat untuk kekal aktif dan meningkat tua dengan baik, dan menyambung orang ramai kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang mereka perlukan. Kami menyokong rakan-rakan niaga dalam memperkukuhkan keupayaan mereka dalam menyampaikan penjagaan berkualiti, dan menyatukan mereka supaya bekerja bersama untuk memenuhi keperluan penduduk yang semakin meningkat tua. Kami berusaha untuk membawa perkhidmatan dan maklumat dengan lebih dekat kepada mereka yang memerlukannya.

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi
www.aic.sg.